

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**SEMPENA PELANCARAN WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR SERTA**  
**PELANCARAN PERINGKAT NEGERI TERENGGANU**  
**DI TAMAN AWAM BATU BUROK, KUALA TERENGGANU**  
**20 OKTOBER 2007**

-----

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA

YAB DATO' SERI IDRIS JUSOH  
MENTERI BESAR TERENGGANU

YAB DATO' SRI ADNAN HAJI YAAKOB  
MENTERI BESAR PAHANG

YAB DATO' HAJI NIK ABDUL AZIZ NIK MAT  
MENTERI BESAR KELANTAN

YAB DATO' HAJI ABDUL GHANI OTHMAN  
MENTERI BESAR JOHOR

YB DATO' SRI MOHD. EFFENDI NORWAWI  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

YB MENTERI-MENTERI KABINET

AHLI-AHLI YANG BERHORMAT

PEGAWAI-PEGAWAI TINGGI KERAJAAN PERSEKUTUAN  
DAN KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI

DIF-DIF JEMPUTAN

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN

1. ALHAMDULILLAH, BERSYUKUR KITA KE HADRAT ILAHI KERANA DENGAN LIMPAN KURNIA DAN IZIN-NYA DAPAT KITA BERKUMPUL BERSAMA PADA HARI INI UNTUK MERAIKAN SATU PROGRAM PEMBANGUNAN YANG AMAT PENTING DAN BERSEJARAH BAGI WILAYAH INI. TERLEBIH DAHULU, SAYA INGIN MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN KEPADA RAKYAT DAN KEPIMPINAN NEGERI TERENGGANU YANG BERBESAR HATI MENJADI TUAN RUMAH UNTUK ACARA PELANCARAN INI. TERIMA KASIH JUGA KEPADA TAN SRI HASSAN MARICAN. SESUNGGUHNYA, WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR YANG BAKAL KITA LANCARKAN PADA HARI INI MERUPAKAN PROGRAM BESAR YANG AMAT BERMAKNA, BUKAN SAHAJA BAGI WARGA NEGERI TERENGGANU, PAHANG, KELANTAN DAN JOHOR, TETAPI JUGA BAGI SELURUH NEGARA.

2. SEWAKTU PEMBENTANGAN RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN TAHUN LALU, KERAJAAN TELAH PUN MENGUMUMKAN PERANCANGAN UNTUK MEMAJUKAN BEBERAPA KORIDOR WILAYAH PEMBANGUNAN. KINI, SEBILANGAN DARI KORIDOR-KORIDOR TERSEBUT TELAH PUN DILANCARKAN. PADA HARI INI, TIBALAH GILIRAN NEGERI-NEGERI DI PANTAI TIMUR SEMENANJUNG MALAYSIA PULA UNTUK TURUT SERTA MENGALAMI GELOMBANG PERUBAHAN INI. KERAJAAN YAKIN PROGRAM PEMBANGUNAN INI AKAN MEMPERTINGKATKAN USAHA MERANGSANG PERTUMBUHAN EKONOMI DAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR, KE ARAH MERAPATKAN JURANG PEMBANGUNAN ANTARA KAWASAN BANDAR DENGAN LUAR BANDAR, DAN ANTARA WILAYAH DI DALAM NEGARA SERTA KAWASAN LAIN.

3. RANCANGAN PEMBANGUNAN WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR INI ADALAH SATU USAHA BERSAMA KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI UNTUK MEMANGKIN TAHAP PEMBANGUNAN KAWASAN PANTAI TIMUR SEMENANJUNG, BERASASKAN SEBUAH PELAN INDUK YANG TELAH DIRANGKA OLEH SEKTOR SWASTA YANG DITERAJUI OLEH PETRONAS SERTA KERJASAMA UNIT PERANCANG EKONOMI. DALAM PELAN INI, KERAJAAN MENGAMBIL PENDEKATAN AGAR SEMUA NEGERI-NEGERI PANTAI TIMUR DIMAJUKAN SEBAGAI SATU WILAYAH BERSEPADU YANG BEKERJASAMA MENGEMBELING USAHA, TENAGA DAN SUMBER KEKAYAAN ASLI UNTUK MENCAPAI KEMAJUAN BERSAMA.

4. DALAM MEMBANGUNKAN WILAYAH INI, KITA BERILTIZAM UNTUK MENGEKALKAN NILAI-NILAI BUDAYA DAN WARISAN YANG MENJADI TERAS CITRA PANTAI TIMUR, DAN PADA MASA YANG SAMA MENCAPAI PEMBANGUNAN YANG DINAMIK DAN BERDAYA MAJU. SETIAP NEGERI AKAN MUNCUL DENGAN TEMA PEMBANGUNANNYA YANG TERSENDIRI. NEGERI TERENGGANU AKAN DIBANGUNKAN SEBAGAI GERBANG PELANCONGAN DAN PENDIDIKAN BAGI WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR. DI SAMPING ITU, IA DAPAT MENGEMBANG DAN MENGHEBATKAN INDUSTRI MIYAK DAN GAS PETROL KIMIA. NEGERI KELANTAN PULA AKAN DIMAJUKAN SEBAGAI PUSAT PERDAGANGAN DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN, MANAKALA NEGERI PAHANG PULA AKAN MUNCUL SEBAGAI HAB INDUSTRI PEMBUATAN DAN LOGISTIK. INI ADALAH TEMA PEMBANGUNAN BAGI NEGERI-NEGERI BERKENAAN.

5. SASARAN KERAJAAN ADALAH UNTUK MENCATATKAN PERTUMBUHAN K.D.N.K. NEGERI-NEGERI PANTAI TIMUR PADA KADAR 7.2 PERATUS SETAHUN SECARA PURATA SEHINGGA TAHUN 2020. SELAIN ITU, KITA JUGA MELETAKKAN SASARAN UNTUK MENINGKATKAN PENDAPATAN ISIRUMAH DARIPADA 2,267 RINGGIT PADA TAHUN 2005, KEPADA 5,227 RINGGIT PADA TAHUN 2020. BILANGAN PEKERJAAN JUGA DIJANGKA MENINGKAT, DARI 1.4 JUTA SEKARANG KEPADA HAMPIR 2 JUTA PEKERJAAN PADA TAHUN 2020. KESEMUA SASARAN INI, SAYA YAKIN DAN PERCAYA DAPAT KITA CAPAI MELALUI RANCANGAN PEMBANGUNAN WILAYAH INI, YANG MERANGKUMI 51 PERATUS KELUASAN SEMENANJUNG MALAYSIA.

6. PEMBANGUNAN WILAYAH INI BERTASRAT UNTUK MEMANGKIN PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI DEMI KEPENTINGAN DAN KESEJAHTERAAN SEMUA LAPISAN RAKYAT. KERAJAAN YAKIN BAHAWA KEMAJUAN YANG TERHASIL DARI PEMBANGUNAN WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR INI AKAN MEMBUKA PELUANG PEKERJAAN DAN PERNIAGAAN YANG MELUAS, YANG SETERUSNYA AKAN MENYUMBANG KEPADA PENINGKATAN PENDAPATAN PENDUDUK. LEBIH 560,000 PELUANG PEKERJAAN BARU DIJANGKA AKAN DIWUJUDKAN DI WILAYAH INI DALAM TEMPOH 12 TAHUN BERJALANNYA RANCANGAN PEMBANGUNAN WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR. LEBIH PENTING LAGI, KERAJAAN MENGHARAPKAN RANCANGAN PEMBANGUNAN INI AKAN MEMBERI SINAR HARAPAN KEPADA GOLONGAN

BERPENDAPATAN RENDAH, TERUTAMANYA YANG MASIH DIHIMPIT KEMISKINAN TEGAR, UNTUK KELUAR DARI KEMPOMPOG KEMISKINAN DAN BERSAMA MENGECAPI NIKMAT YANG DIBAWA OLEH PEMBANGUNAN NEGARA.

7. SECARA KESELURUHANNYA, RANCANGAN INI MENSASARKAN PELAKSANAAN SEBANYAK 227 BUAH PROJEK BERNILAI 112 BILION RINGGIT DALAM TEMPOH 12 TAHUN RANCANGAN INI UNTUK MENAMBAH IMEJ KAWASAN INI MENJADI LEBIH MAJU DAN DINAMIK. KERAJAAN PUSAT DIJANGKA AKAN MENYEDIAKAN SEBANYAK 39 PERATUS DARI JUMLAH TERSEBUT, MANAKALA SYARIKAT-SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN (G.L.C.) PULA AKAN MENYEDIAKAN 14 PERATUS DARI JUMLAH INI. SELEBIHNYA, SEBANYAK 20 PERATUS AKAN DATANG DARI PIHAK SWASTA, MANAKALA BAKI 27 PERATUS AKAN DIPEROLEHI MELALUI INISIATIF PELABURAN SWASTA (P.F.I.). SEBANYAK 43 PERATUS DARI KESELURUHAN PELABURAN DI WILAYAH INI DIPERUNTUKKAN UNTUK MEMPERBAIKI KEMUDAHAN PERHUBUNGAN DAN INFRASTRUKTUR.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN,

8. RANCANGAN PEMBANGUNAN WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR MERUPAKAN RANGKA PEMBANGUNAN BAGI TEMPOH 12 TAHUN AKAN DATANG SEHINGGA TAHUN 2020. IA MENUMPUKAN KEPADA USAHA UNTUK MENCAPAI TARAF WILAYAH MAJU YANG DINAMIK DAN BERDAYA-SAING PADA TAHUN 2020. UNTUK MEMASTIKAN RANCANGAN PEMBANGUNAN INI BERJAYA, KERAJAAN AKAN MENGAMBIL PENDEKATAN MEMBANGUNKAN SEKTOR EKONOMI DI PANTAI TIMUR INI SECARA KLUSTER ATAU BERKELOMPOK. RANCANGAN PEMBANGUNAN WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR TELAHPUN MENGENALPASTI LIMA KELOMPOK UTAMA YANG MENJADI KUNCI PEMBANGUNAN DI WILAYAH INI, YANG TERDIRI DARI PERTANIAN; PELANCONGAN; MINYAK, GAS DAN PETROKIMIA; PEMBUATAN; DAN PENDIDIKAN. PEMBANGUNAN LIMA KLUSTER UTAMA INI PERLU UNTUK MEMPELBAGAIKAN AKTIVITI EKONOMI DI WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR, DEMI MEMACU KEMAJUANNYA DI MASA HADAPAN.

9. SEKTOR PERTANIAN YANG SELAMA INI MENJADI TULANG BELAKANG EKONOMI SEBAHAGIAN BESAR PENDUDUK DI PANTAI TIMUR AKAN TERUS DIPERKASAKAN. SEKTOR PERTANIAN AKAN DIMAJUKAN DENGAN USAHA SECARA KOMERSIL, BERSKALA BESAR DAN MENGGUNAKAN TEKNOLOGI MODEN SERTA PENGURUSAN DAN PEMASARAN YANG LEBIH MANTAP. DALAM RANCANGAN INI, KERAJAAN AKAN MENYOKONG WARGA TANI KITA MEMPERTINGKATKAN PENGELUARAN TANAMAN MAKANAN DAN BUKAN MAKANAN, SELAIN MEMPERKENALKAN TANAMAN BARU SEPERTI KENAF. SELAIN ITU, BIDANG PENTERNAKAN DAN PERIKANAN JUGA AKAN TURUT DIMAJUKAN. RANTAIAN BEKALAN DAN NILAI TAMBAH SEKTOR PERTANIAN AKAN DIPERLUASKAN DENGAN PEMBANGUNAN INDUSTRI ASAS TANI YANG LEBIH KOMPREHENSIF DI DALAM KE SEMUA SUBSEKTOR PERTANIAN.

10. DI DALAM SEKTOR PELANCONGAN PULA, KEINDAHAN ALAM SEMULAJADI PANTAI, PULAU DAN HUTAN DARA YANG BEGITU BANYAK TERDAPAT DI NEGERI-NEGERI PANTAI TIMUR AKAN DIMANFAATKAN UNTUK MENARIK LEBIH RAMAI PELANCONG DARI DALAM AND LUAR NEGERI. KEHADIRAN PELANCONG INI BAKAL MEMBUKA PELUANG PEKERJAAN UNTUK ANAK-ANAK TEMPATAN DI PUSAT-PUSAT PERANGINAN. IANYA JUGA AKAN MEMBOLEHKAN USAHAWAN TEMPATAN MENGEMBANGKAN PERNIAGAAN SEPERTI PERUSAHAAN CHALET, RESTORAN, SEWA BOT DAN PERUSAHAAN KRAFTANGAN SEPERTI KAIN BATIK, SONGKET, PERTUKANGAN PERAK DAN UKIRAN KAYU. KERAJAAN JUGA BERUSAHA MENARIK

PELABUR UNTUK MEMBINA KEMUDAHAN RESORT DAN HOTEL BERTARAF ANTARABANGSA DI KAWASAN PESISIR PANTAI DI NEGERI-NEGERI INI. ANTARA LOKASI-LOKASI YANG BAKAL DIMAJUKAN UNTUK USAHA INI ADALAH PANTAI SERI TUJUH DI TUMPAT, KELANTAN; KUALA BESUT, MERANG DAN DUNGUN DI TERENGGANU; PANTAI SEPAT DAN KUALA PAHANG DI PAHANG; SERTA MERSING DI JOHOR. KERAJAAN MENJANGKAKAN USAHA INI BAKAL MENARIK KEHADIRAN SERAMAI 7.4 JUTA PELANCONG LUAR NEGARA DAN 21.4 JUTA PELANCONG TEMPATAN MENJELANG TAHUN 2020.

11. SEKTOR MINYAK, GAS DAN PETROKIMIA YANG SEMEMANGNYA SUDAH BERTAPAK DAN BERKEMBANG PESAT DI PANTAI TIMUR, JUGA BERPOTENSI UNTUK MEMBUKA LEBIH BANYAK PELUANG BAGI USAHAWAN TEMPATAN MENCEBURI INDUSTRI HILIRAN YANG BERKAITAN. KERAJAAN INGIN MENGGALAKKAN PENYERTAAN WARGA TEMPATAN DALAM INDUSTRI YANG MEMANFAATKAN BEKALAN BAHAN MENTAH PROPILENA AND ETILENA YANG DIHASILKAN OLEH KOMPLEKS PETROKIMIA DI KERTIH DAN GAMBANG, UNTUK MENGHASILKAN PRODUK-PRODUK PENGGUNA UNTUK PASARAN TEMPATAN DAN ANTARABANGSA.

12. SELAIN ITU, KERAJAAN AKAN MEMAJUKAN SEKTOR PEMBUATAN SEBAGAI SATU SEKTOR PENTING YANG DIJANGKA MAMPU MENYUMBANG SEBANYAK 29 PERATUS KEPADA K.D.N.K. WILAYAH INI, MENJELANG TAHUN 2020. TUMPUAN KHUSUS AKAN DIBERIKAN KEPADA INDUSTRI HILIRAN BERASASKAN MINYAK SAWIT, KAYU DAN SUSU GETAH, SERTA HASIL PERTANIAN LAIN UNTUK MENGELUARKAN BARANGAN SEPERTI BAHAN OLEOKIMIA, PERABOT, SARUNG TANGAN DAN MAKANAN HALAL. SELAIN ITU, KITA JUGA AKAN MEMACU PERKEMBANGAN INDUSTRI BERAT SEPERTI INDUSTRI KELULI DAN PEMASANGAN KERETA, SELAIN INDUSTRI WARISAN SEPERTI PEMBINAAN DAN PEMBAIKAN BOT SERTA PENGHASILAN KRAFTANGAN. UNTUK MEMASTIKAN USAHA INI BERJAYA, BEBERAPA KAWASAN PERINDUSTRIAN KHUSUS BAKAL DIBANGUNKAN SEPERTI TAMAN INDUSTRI PERIKANAN BERSEPADU DI TOK BALI, TAMAN TEKNOLOGI GAMBANG, DAN ESTET PERINDUSTRIAN BERAT DI KEMAMAN. KERAJAAN AKAN TURUT MEMPERKUKUHKAN KEMAMPUAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (I.K.S.) DI NEGERI-NEGERI PANTAI TIMUR MELALUI BANTUAN KEWANGAN, PERALATAN DAN KHIDMAT NASIHAT, AGAR MEREKA MAMPU BERSAING DALAM SUASANA PASARAN YANG BEGITU MENCABAR.

13. NAMUN BEGITU, SEMUA USAHA YANG DIGARISKAN OLEH RANCANGAN INI TIDAK MUNGKIN BERJAYA, MELAINKAN KITA MEMILIKI MODAL INSAN YANG BERKUALITI DAN BERPENGETAHUAN UNTUK MENERAJUI RANCANGAN TERSEBUT. SAYA AKUI DI SEBELAH PANTAI TIMUR WUJUDNYA BUDAYA BERNIAGA TETAPI KITA KENA WUJUDKAN PELUANG PENDIDIKAN KEPADA ANAK-ANAK MUDA KITA. UNTUK ITU, PENDIDIKAN DIBERI PERHATIAN KHUSUS MELALUI PENUBUHAN UNIVERSITI, KOLEJ DAN INSTITUSI LATIHAN BARU SEPERTI TAMAN ILMU DI TERENGGANU, UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN, UNIVERSITI DARUL IMAN, UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU DAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG. PUSAT-PUSAT PENDIDIKAN DAN LATIHAN BARU INI BAKAL MEMBUKA PELUANG SELUAS-LUASNYA UNTUK ANAK-ANAK KITA MELANJUTKAN PELAJARAN KE PERINGKAT YANG LEBIH TINGGI, SERTA MENYEDIAKAN MEREKA UNTUK MERAHAI PELBAGAI PELUANG YANG MUNCUL DARI PEMBANGUNAN WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR. INSTITUSI-INSTITUSI INI JUGA AKAN MENGADAKAN KERJASAMA ERAT DENGAN PIHAK SWASTA DALAM BIDANG PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN, SELAIN MEMASTIKAN SUMBER MANUSIA YANG DIHASILKAN MENEPATI KEPERLUAN PASARAN KERJA YANG SEDIA ADA. KERAJAAN JUGA AKAN MENJALANKAN PELBAGAI PROGRAM UNTUK MEMPERTINGKATKAN TAHAP CELIK I.C.T. DI KALANGAN MASYARAKAT PANTAI

TIMUR, AGAR MEREKA DAPAT MEMANFAATKAN KECANGGIHAN TEKNOLOGI MAKLUMAT UNTUK MEMAJUKAN DIRI, KELUARGA DAN MASYARAKAT.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA HORMATI SEKELIAN,

14. KERAJAAN AKAN MENYOKONG RANCANGAN PEMBANGUNAN INI DENGAN MENYEDIAKAN PRASARANA ASAS KE ARAH MENINGKATKAN DAYA SAING DAN DAYA MAJU WILAYAH INI. INI ADALAH PENTING MEMANDANGKAN WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR TERLETAK DI KEDUDUKAN STRATEGIK IAITU DI SEBELAH TIMUR SEMENANJUNG MALAYSIA, MENGHADAP KE NEGARA ASIA TIMUR. OLEH ITU, IA BERPOTENSI MENJADI GERBANG ATAU PINTU MASUK UNTUK NEGARA TIMUR JAUH DARI SEGI PERDAGANGAN, INDUSTRI PEMBUATAN BERASASKAN SUMBER SERTA INDUSTRI PERKHIDMATAN DAN LOGISTIK.

15. RANGKAIAN PENGANGKUTAN YANG BAIK AKAN DAPAT MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM PEMBANGUNAN WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR, DIMANA IANYA JUGA DAPAT MEMPERBAIKI KUALITI HIDUP PENDUDUK TEMPATAN SERTA DAPAT BERTINDAK SEBAGAI PEMANGKIN PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI DI KAWASAN SEKELILINGNYA. BAGI TUJUAN INI, JALANRAYA SEDIA ADA YANG TELAH DIKENALPASTI AKAN DIPERBAIKI ATAU DINAIKTARAF DAN JALAN-JALAN BARU AKAN DIBINA.

16. SELAIN ITU, BAGI MEMPERTINGKATKAN RANGKAIAN PENGANGKUTAN LAUT, KEUPAYAAN PENGENDALIAN PELABUHAN SEDIA ADA DI WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR – IAITU PELABUHAN KEMAMAN DAN PELABUHAN KUANTAN – AKAN DIPERTINGKATKAN MELALUI PROJEK PENAIKTARAFAN.

17. RANGKAIAN PENGANGKUTAN UDARA JUGA AKAN DIPERTINGKATKAN, TERMASUK KERJA-KERJA MENAIKTARAF LAPANGAN TERBANG SULTAN MAHMUD DI KUALA TERENGGANU SEBAGAI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BAGI WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR. INI ADALAH SEJAJAR DENGAN TEMA NEGERI TERENGGANU SEBAGAI GERBANG PELANCONGAN DAN PENDIDIKAN. SELAIN ITU, LAPANGAN TERBANG DI KOTA BHARU DAN KUANTAN JUGA AKAN DINAIKTARAF.

18. PROJEK-PROJEK TEBATAN BANJIR, PENCEGAHAN HAKISAN PANTAI DAN EMPANGAN AKAN DIJALANKAN BAGI KEPENTINGAN PENDUDUK WILAYAH PANTAI TIMUR. SELAIN ITU, SELARI DENGAN PEMBANGUNAN SEKTOR I.C.T. DI DALAM NEGARA, KEMUDAHAN PRASARANA KABEL OPTIK DI WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR JUGA AKAN DIPERTINGKATKAN.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA HORMATI SEKELIAN,

19. NEGERI TERENGGANU TIDAK KETINGGALAN DALAM MENIKMATI LIMPAHAN KEMAKMURAN YANG BAKAL DIBAWA INISIATIF WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR INI. SEKTOR MINYAK, GAS DAN PETROKIMIA YANG SELAMA INI MENYUMBANG KEPADA KEMAJUAN NEGERI TERENGGANU AKAN TERUS DIPERKUKUHKAN. KELOMPOK INDUSTRI PLASTIK KERTIH AKAN DITUBUHKAN UNTUK MEMBOLEHKAN RAKYAT TEMPATAN MENCEBURI BIDANG PEMBUATAN PLASTIK DAN YANG BERKAITAN DENGANNYA, UNTUK MENGISI PERMINTAAN TEMPATAN DAN EKSPORT YANG AMAT MENGGALAKKAN. KELOMPOK INDUSTRI SELUAS 140 HEKTAR INI AKAN DILENGKAPI DENGAN INFRASTRUKTUR YANG LENGKAP, SELAIN JAMINAN SUMBER BEKALAN BAHAN MENTAH DARI LOJI SEDIA ADA DI KOMPLEKS PETROKIMIA KERTIH.

20. GOLONGAN PETANI DI TERENGGANU JUGA AKAN MENERIMA MANFAAT DARI PROGRAM-PROGRAM TERNAKAN DAN BEBERAPA PROGRAM LAIN SEPERTI INDUSTRI HALAL.

21. KERAJAAN TERUS KOMITED UNTUK MELAKSANAKAN PROGRAM KE ARAH MENGURANGKAN KEMISKINAN DI WILAYAH INI, TERUTAMANYA KEMISKINAN TEGAR. ANTARA LAIN, KERAJAAN AKAN MELAKSANAKAN LIMA PROJEK AGROPOLITAN YANG DIJANGKA DAPAT MEMBERI FAEDAH KEPADA LEBIH 14,000 KELUARGA MISKIN TEGAR DI SELURUH PANTAI TIMUR. KHUSUS BAGI NEGERI TERENGGANU, SATU PROJEK AGROPOLITAN SELUAS 2,000 HEKTAR BERTERASKAN PERLADANGAN KOMERSIL BERKELOMPOK AKAN DIBANGUNKAN DI HULU SETIU. PROJEK INI AKAN MELIBATKAN AKTIVITI PENTERNAKAN, PENANAMAN SERTA AKUAKULTUR.

22. KERAJAAN JUGA BERAZAM MENJADIKAN KUALA TERENGGANU PUSAT KECEMERLANGAN I.C.T. DI WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR, DENGAN MENUBUHKAN SEBUAH PUSAT ANIMASI GLOBAL. SELAIN ITU, KITA JUGA AKAN MENUBUHKAN INTERNATIONAL DIGITAL BUSINESS EXCHANGE (I.D.B.X.) DI BATU RAKIT, YANG AKAN BERPERANAN SEBAGAI IBUSAWAT INTERNET TERPENTING DI RANTAU INI, SELAIN MEMPERTINGKATKAN CAPAIAN INTERNET TEMPATAN.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA HORMATI SEKELIAN,

23. SESUNGGUHNYA, SEGALA USAHA YANG BAKAL DILAKSANAKAN INI BERTUJUAN MEMBAWA KEMAJUAN DI WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR AGAR SETANDING DENGAN ARUS PERDANA. KITA YAKIN, RAKYAT DI NEGERI-NEGERI PANTAI TIMUR YANG TERKENAL DENGAN SIFAT GIGIH BERUSAHA DAN TABAH, MAMPU MEREbut PELBAGAI PELUANG YANG MUNCUL DARI PROJEK-PROJEK YANG BAKAL DILAKSANAKAN. SEBAGAI MENANDAKAN KOMITMEN KERAJAAN UNTUK MEREALISASIKAN USAHA INI, SAYA DENGAN SUKACITANYA MENGUMUMKAN PERUNTUKAN SEJUMLAH 6 BILION RINGGIT, UNTUK DISALURKAN KEPADA PROJEK-PROJEK FASA PERMULAAN BERIMPAK TINGGI YANG TELAH DIKENALPASTI. PERUNTUKAN INI AKAN DISEDIAKAN MELALUI KAJIAN SEMULA PROGRAM RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN SERTA PENAMBAHAN PERUNTUKAN SEMASA KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN NANTI. SELAIN ITU, KERAJAAN JUGA AKAN MEMPERKENALKAN TABUNG SOKONGAN SERTA PAKEJ GALAKAN INSENTIF UNTUK MEMACU PERKEMBANGAN SEKTOR DAN INISIATIF YANG TELAH DIKENALPASTI DALAM RANCANGAN INI.

24. SAYA JUGA INGIN MENGUMUMKAN BAHAWA SEBUAH BADAN PELAKSANA KHAS YANG DINAMAKAN MAJLIS PEMBANGUNAN WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR BAKAL DITUBUHKAN, UNTUK MELAKSANAKAN PROJEK SERTA PROGRAM UTAMA YANG TELAH DIKENALPASTI. OBJEKTIF UTAMA BADAN PELAKSANA INI ADALAH UNTUK MEMPERCEPAT DAN MEMUDAHCARA PEMBANGUNAN DI WILAYAH INI SECARA BERDAYA MAJU, EFEKTIF, SEIMBANG SERTA MAMPAN. IANYA JUGA BAKAL MEMPROMOSIKAN WILAYAH INI SEBAGAI SEBUAH DESTINASI PERDAGANGAN, PELABURAN DAN PELANCONGAN YANG ULUNG. SAYA INGIN TEGASKAN BAHAWA BAGI PEMBANGUNAN KORIDOR-KORIDOR YANG TELAH DILANCARKAN ADALAH PENTING UNTUK MEMBERI PERHATIAN KEPADA PELAKSANAAN, YANG MESTI DIPERLUASKAN DAN BERGERAK DENGAN CEPAT. SAYA MAHU SEMUA PIHAK BERSIAP SEDIA UNTUK BERKHIDMAT KEPADA RAKYAT.

25. NAMUN, SEMUA YANG KITA IMPIKAN INI TIDAK MUNGKIN MENJADI KENYATAAN SEKIRANYA KITA TIDAK MEMANFAATKAN PELUANG-PELUANG YANG MUNCUL DARI PEMBANGUNAN WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR INI. OLEH ITU, SAYA MENYERU SETIAP LAPISAN MASYARAKAT DI PANTAI TIMUR UNTUK BANGUN MENYAHUT CABARAN MENJADIKAN RANCANGAN PEMBANGUNAN WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR INI SATU KENYATAAN, SERTA UNTUK MELUNASKAN GELOMBANG PERUBAHAN INI.

26. SEMOGA USAHA IKHLAS INI AKAN DIBERKATI, DILIMPAHI DAN DILINDUNGI ALLAH S.W.T. JUA. MAKA DENGAN ITU, DENGAN LAFAZ BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM, SAYA DENGAN SUKACITANYA MERASMIKAN RANCANGAN PEMBAGUNAN WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR.

SEKIAN, TERIMA KASIH.